
PENGLIBATAN WANITA SEBAGAI PENENTU DASAR DARI SUDUT PANDANG AL SIYĀSAH AL-SYAR'IYYAH: KAJIAN KES SEKTOR PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA

WOMEN INVOLVEMENT IN DECISION-MAKING FROM THE VIEWPOINT OF AL SIYĀSAH AL-SYAR'IYYAH: A CASE STUDY ON THE ISLAMIC BANKING SECTOR IN MALAYSIA

Syaryanti Hussin, Nabilah Yusof, Hasnizam Hashim, Norfadhilah Mohamad Ali, Fadhlina Alias, Muhammad Najib Abdullah, & Muhammad Nizam Awang @ Ali

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

^{*}(Corresponding Author) email: syaryanti@usim.edu.my

ABSTRAK

Kerajaan Malaysia telah menggubal Dasar Wanita Negara (DWN) dan pelancaran pertamanya adalah pada tahun 1989 sehingga ke tahun 2020. Antara matlamat DWN, ialah perkongsian saksama antara wanita dan lelaki dalam memperoleh dan mengawal sumber dan peluang penyertaan serta menikmati manfaat pembangunan. Ini adalah peluang yang amat baik untuk menampilkan keupayaan wanita dalam semua sektor ekonomi negara. Kertas ini cuba menggariskan keserasian usaha ini dengan prinsip-prinsip al Siyāsaḥ al Syar'iyyah yang memartabatkan tadbir urus yang baik, penglibatan holistik, keperluan manusia dan kepentingan bersama. Kertas ini mengutarakan satu kajian kes yang meneliti lantikan wanita yang menganggotai lembaga pengarah bank dan badan penasihat Syariah bank di 16 buah institusi bank Islam di Malaysia dari tahun 2012 sehingga tahun 2018, suatu lantikan yang penting dan melibatkan pembuatan keputusan dalam sektor tersebut. Kajian mendapati bahawa sungguhpun tenaga kepakaran Malaysia di dalam sektor perbankan Islam telah diiktiraf di persada antarabangsa, penglibatan wanita sebagai penentu dasar dalam tempoh masih tidak mencapai sasaran minima 30%. Kertas ini mencadangkan peningkatan penglibatan wanita dalam sektor ini. Penglibatan wanita secara umum dalam penentuan dasar juga adalah selari dengan semangat al Siyāsaḥ al Syar'iyyah untuk tadbir urus yang baik, penglibatan menyeluruh dan kelestarian pembangunan.

Kata Kunci: Lembaga Pengarah, Wanita, Institusi Perbankan Islam, Dasar Wanita Negara 2020, Kelestarian & al Siyāsaḥ al Syar'iyyah.

ABSTRACT

The Government of Malaysia has issued the National Women's Policy (NWP) which was first formulated in 1989 and is still in continuation to the year 2020. Among the goals of the NWP, is the equal partnership between women and men in acquiring and controlling resources or opportunities in participation and enjoying development benefits. This is an excellent opportunity to enhance women participation in all economic sectors in developing Malaysia. This paper attempts to draw the coherence of this effort with the principles of al Siyāsaḥ al Syar'iyyah which calls for good governance, collective participation, and actions based on the contemporary needs of human beings. This paper also highlights a case study on the Islamic banking sector, by examining women's appointment on the board of directors and Shariah Committee board as part of participation of women in the decision-making process in the sector. Data is taken from the annual reports of 16 Islamic banking institutions

listed by Bank Negara Malaysia from the year 2012 to 2018. Whilst Malaysia's expertise in the Islamic banking sector is internationally recognized and referred to, this study reveals the minimal achievement of female participation in decision-making process throughout the selected years of study, below the required target of 30%. The outcome of this paper suggests a more participative role of women in the sector and the potentials in their intellectual and leadership capacity to contribute in the sector. This will be in line with the general spirit of Siyasah Syari'yyah for good governance, inclusivity and future sustainability development.

Keyword (s): Female director, Islamic Banking Institution, National Women Policy 2020 & Islamic Public Policy & al Siyāsah al Syar'iyyah.

Wanita dalam Islam

Wanita memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara seiring kaum lelaki dalam pelbagai aspek. Hakikat ini bukanlah satu perkara yang baharu, malah telah direkodkan semenjak berabad-abad yang lalu dalam penulisan sejarah. Al-Quran dan al-Hadith juga telah menceritakan kisah-kisah wanita hebat yang telah berperanan mencorakkan perubahan kepada diri, agama dan masyarakat. Kedudukan wanita dalam governan dan kepemimpinan induk kerajaan telah dinukilkhan secara khusus dalam al-Quran, melalui kisah Nabi Sulaiman seperti firmanNya:

إِنِّي وَجَدْتُ اُمْرَأً تَكْلِيْكُهُمْ وَأُوتِيْتُ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ وَلَا عَزْمٌ عَظِيمٌ

Maksudnya: ‘Sesungguhnya aku (nabi Sulaiman a.s) menjumpai seorang wanita (rat Balqis) yang memerintah mereka, dan dia dianugerahkan segala sesuatu serta mempunyai singgahsana yang besar’. *al Naml: 23*

Kepemimpinan wanita dalam ayat ini menunjukkan keupayaan dan kewibawaan wanita dalam menerajui sebuah kerajaan yang lengkap, mewah dan besar. Menerajui sesebuah kerajaan dan negara adalah satu tanggungjawab yang amat rumit dan memerlukan kepada kebijaksanaan mengurus, pembuatan keputusan dan kemahiran berdiplomasi. Ayat ini telah memperihalkan kehebatan ratu Balqis dalam menerajui kerajaan yang hebat sebagaimana ciri-ciri yang disebutkan dalam Al-Quran.

Kedatangan Islam sebagai agama yang membawa rahmat kepada seluruh alam telah mengangkat martabat kaum wanita setaraf dengan kaum lelaki. Dengan kedatangan Islam, martabat kaum wanita dan lelaki adalah sama di sisi Allah s.w.t., hanya ketaqwaan yang membezakan keduanya. Wanita juga turut diberikan hak yang saksama dengan lelaki kecuali beberapa perkara sahaja yang telah ditentukan syarak di dalam institusi kekeluargaan. Ini bukan bererti, Allah s.w.t merendahkan kewibawaan wanita, akan tetapi ianya bersesuaian dengan fitrah kejadian wanita itu sendiri, dan jika diteliti, adalah sebuah penghormatan kepada mereka.

Perubahan yang dibawa oleh Islam telah mengangkat martabat masyarakat ke arah yang lebih bertamadun, berbeza dengan amalan jahiliyah yang terkenal dengan penindasan wanita. Antara amalan masyarakat zaman jahiliyah ialah menanam anak perempuan hidup-hidup hanya kerana menyesali anugerah tuhan ke atas mereka telah dirakamkan melalui firman Allah Taala:

وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُمْ بِالْأُشْنَىٰ طَلَّ وَجْهُهُ مُسْنَدًا وَقُوَّةٌ كَظِيمٌ يَتَوَارِى مِنَ الْقَوْمِ مِنْ سُوءِ مَا بُشِّرَ
بِهِ أَمْسِكَةٌ عَلَىٰ هُونٍ أَمْ يَدْسُهُ فِي التُّرَابِ أَلَا سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ

Maksudnya: “Dan apabila dikhaskan kepada seseorang dari mereka bahawa dia beroleh anak perempuan, muramlah mukanya sepanjang hari (kerana menanggung dukacita), sedang dia menahan perasaan marahnya dalam hati. Dia bersembunyi dari orang ramai kerana (merasa malu disebabkan) berita buruk yang disampaikan kepadanya (tentang dia beroleh anak perempuan; sambil dia berfikir):

Adakah dia akan memelihara anak itu dalam keadaan yang hina atau dia akan menanamnya hidup-hidup dalam tanah? Ketahuilah! Sungguh jahat apa yang mereka hukumkan itu”. al-Nahl:58 & 59

Pada zaman junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, kaum wanita mendapat tempat yang tinggi. Bermula daripada episod peminangan Saidatina Khadijah r.a ke atas Nabi Muhammad s.a.w sehinggalah kepada peranan yang dimainkan oleh para isteri Nabi s.a.w samada ketika hayat Baginda mahupun selepas kewafatannya. Peminangan tersebut realitinya menggambarkan kepada umat Islam bahawa kaum wanita dibenarkan membuat pilihan sendiri berdasarkan pemikiran yang rasional. Ianya juga menjadi hujah dalam membentarkan wanita membuat keputusan sendiri tanpa ada sebarang unsur diskriminasi. Para isteri Rasulullah s.a.w telah memainkan peranan mereka bukan sekadar sebagai seorang isteri, malah lebih besar lagi apabila mereka bertanggungjawab memikul amanah sebagai isteri kepada pemerintah (*waliyyul-amri/ ulil amri*) atau hari ini dikenali dengan istilah ketua negara.

Rasululllah SAW meraikan pandangan daripada semua termasuklah kaum wanita. Fakta sejarah telah merakamkan bahawa peristiwa peperangan Hudaybiyah, Uhud dan Hunayn hakikatnya menyaksikan penerimaan Baginda s.a.w keputusan dan pandangan yang telah ditentukan oleh kaum wanita. Ini jelas membuktikan pendirian syarak mengenai martabat wanita yang perlu diiktiraf oleh semua pihak.

Kelestarian pembangunan sesebuah negara bergantung berkait rapat dengan faktor kerjasama masyarakatnya yang terdiri daripada golongan lelaki dan perempuan. Penglibatan wanita dalam perencanaan sesuatu polisi atau dasar baharu akan memberikan nilai kepada sesuatu keputusan yang dibuat kerana telah mengambil kira pandangan yang kolektif dan bersama. Adalah merupakan suatu kerugian sekiranya pandangan kaum wanita tidak dapat dimanfaatkan bersama bagi menyumbang ke arah kebaikan sejagat. Sisi pandang wanita diperlukan untuk melihat sisi berbeza sesuatu keputusan atau dasar. Dengan mengambilkira sisi pandang yang menyeluruh, sesuatu dasar yang bijak dapat dilaksanakan.

Di Malaysia, fenomena penglibatan wanita dalam membuat suatu dasar, bukanlah suatu yang baharu. Wanita yang terlibat dengan badan kerajaan, politik, persatuan dan seumpamanya adalah mereka yang terlibat secara langsung dengan pembentukan dasar dan polisi organisasi yang dianggotainya (Monawer, 2019).

Menyedari pelbagai peranan wanita dalam keluarga, masyarakat, ekonomi dan politik negara, kerajaan mengakui bahawa strategi-strategi yang khusus perlu dibentuk bagi melibatkan wanita secara berkesan dalam proses pembangunan supaya potensi wanita dapat dioptimumkan. Usaha gigih perlu diambil untuk membantu wanita melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan sosial dan ekonomi yang utama. Ini memerlukan satu dasar bagi memberi panduan serta arah haluan dalam segala usaha pembangunan supaya kepentingan dan penyertaan wanita tidak terabai dan diintegrasikan sumbangan mereka dalam proses pembangunan negara. Menyedari hakikat inilah kerajaan telah menggubal Dasar Wanita Negara (DWN) dilancarkan pertama kalinya pada tahun 1989, dan pelancaran keduanya adalah pada Ogos 2009 dan diteruskan sehingga ke tahun 2020. Penggubalan dasar ini memperjelaskan kesungguhan kerajaan ke arah membantu penyertaan wanita dalam arus pembangunan negara dengan lebih bermakna. DWN juga telah menyediakan garis panduan bagi mengintegrasikan sumbangan wanita dalam proses pembangunan negara serta menuntut agar kapasiti wanita sebagai penggubal dan penentu dasar ditambah sehingga 30%.

Al Siyāsaḥ al Syar‘iyyah Sebagai Garis Panduan

Siyāsaḥ adalah nama terbitan daripada kata kerja (*sāsa*) di dalam bahasa Arab yang membawa maksud mengurus dan mentadbir. Justeru, *Siyāsaḥ* bermaksud pengurusan dan pentadbiran. Sebahagian besar kamus-kamus di dalam bahasa Arab menggunakan terma *siyāsaḥ* sebagai urusan yang berkaitan hal-hal negara dan rakyat. Oleh yang demikian, *siyāsaḥ* secara teknikal membawa maksud pengurusan dan pentadbiran politik. Berdasarkan pengarang kamus *Da’irah Ma’ārif al-Qarn al-‘Ishrūn*, Muhhammad Farid Wajdi (1971), perkataan *sāsa* jika dinisbahkan kepada manusia, bermaksud menguruskan, mentadbir hal-hal rakyat (Razi et al, 1981).

Di dalam *Mujam al-Wasīt*, perkataan *sāsa* dimaksudkan sebagai mengurus, mentadbir hal-hal negara dan rakyat serta bertanggungjawab di dalam pembangunan dan pemulihan sosio-politik (Anis et al, 1971; al Bustani, 1973) serta memperbaiki urusan pentadbiran sesebuah negara.

Siyāsah merujuk kepada urusan pemerintahan dan pentadbiran yang merangkumi unsur-unsur pembangunan, kemaslahatan ekonomi, sosial dan politik sesebuah negara dan masyarakatnya yang dipertanggungjawabkan ke atas pemerintah negara tersebut. Beberapa hadith Nabi s.a.w dan syair-syair Arab menyokong maksud *siyāsah* sebagai pengurusan, pentadbiran sesebuah negara oleh pemerintah (al Humman et al; 1990).

Ibn Khaldūn (1978), di dalam *al-Muqaddimah* karangannya turut menyokong definisi ini sehingga Ibn Qutaybah menamakan judul pengkajiannya sebagai *al-Imāmah wa al-Siyāsah* (al ‘Ārabī, 1950). Manakala istilah *syar‘iyyah* pula didefinisikan sebagai perkara-perkara keagamaan yang telah diperuntukkan oleh Allah s.w.t ke atas sekalian hamba-Nya termasuklah perkara-perkara berkaitan suruhan dan larangan Allah s.w.t (al Zubaydī, 1990; al razi, 1993).

Pemakaian istilah *siyāsah syar‘iyyah* adalah luas dan merangkumi pelbagai sudut termasuklah politik, sosial dan perundangan. Sebahagian ulama’ Fiqh memfokuskan *siyāsah syar‘iyyah* kepada ruang lingkup perundangan iaitu *Hudūud*, *Qisāṣ* dan *Ta’zir*. Terdapat juga sebahagian ulama yang tidak memfokuskan istilah ini kepada ruang lingkup tertentu kerana ianya mencakupi segala aspek kehidupan manusia. Manakala terdapat juga sebahagian ulama yang lain yang membataskan istilah ini kepada autoriti yang diberikan kepada pemerintah atau pentadbir untuk tujuan pentadbiran dan pembangunan masyarakat atau rakyat (‘Āmr, 1998).

Terdahulu, para ulama’ seperti Ibn ‘Ābidin Ibn Nujaym al Hanafī (1997), Ibn ‘Ābidin (1998), Ibn al-Humam (1995), dan Ibn Farhūn (1995) hanya membataskan *siyāsah syar‘iyyah* kepada ruang lingkup jenayah dan *ahwāl syakhsiyah* walaupun pada masa tersebut, istilah *siyāsah syar‘iyyah* tidak digunakan sebagai satu istilah khas.

Ibn Taymiyah di dalam kitabnya *al-Siyāsah al- Syar‘iyyah fī Islāh al-Rā'i wa al-Rā'iyyah* meluaskan lagi pemakaian *siyāsah syar‘iyyah* kepada ruang lingkup urusan-urusan pentadbiran negara oleh ketua negara, perlantikan, hasil-hasil dalam negara, jenayah dan perundangan amnya (al Harrani, 1961). Namun demikian, Ibn Qayyim al Jawziyyah menyatakan bahawa istilah tersebut hanya terhad kepada perkara-perkara yang berkaitan aspek perundangan sahaja (al Harrani, 1961).

Percanggahan ini dinafikan oleh seorang pengkaji *siyāsah syar‘iyyah*, iaitu Dr. ‘Abd al-Fattah ‘Āmr, yang menyatakan bahawa pengecilan ruang lingkup *siyāsah syar‘iyyah* oleh Ibn Qayyim tersebut adalah hanya disebabkan kehendak beliau menulis buku *A'lām al-Muwaqqi'īn* yang memfokuskan perundangan semata-mata, sebagaimana Ibn Farhūn di dalam kitabnya *Tabsirat al-Hukkām* (‘Āmr, 1998). Secara asasnya mereka mempersetujui bahawa ruang lingkup *siyāsah syar‘iyyah* mencakupi segala aspek kehidupan.

Pendekatan para ulama’ terkini seperti Sheikh Abd al-Wahhab Khallaf (al Khallāf, 1987), Fathīl-Duraynī (al Duraynī, 1982) dan Abd al ‘Utwah (al Kāfi 1990) menyatakan bahawa *al siyāsah al syar‘iyyah* adalah urusan pentadbiran sesebuah negara dari pelbagai aspek, perundangan, perlembagaan, kewangan, keamanan, kestabilan negara dan masyarakatnya, yang mencakupi segala aspek kehidupan tanpa membelakangkan apa yang telah digariskan oleh syara’.

Jelas daripadauraian-huraian *al siyāsah al syar‘iyyah* yang dihasilkan oleh cendekiawan khalaf dan salaf ini dapatlah disimpulkan bahawa *al siyāsah al syar‘iyyah* adalah berkaitan urusan-urusan pentadbiran sesebuah negara dari segala aspek politik, ekonomi, sosial, hubungan diplomasi, keamanan, keselamatan, perundangan, perlembagaan dan segala aspek yang mencakupi keperluan masyarakat dan negara yang telah dipertanggungjawabkan ke atas ketua negara atau pentadbir tanpa terkeluar dari batasan syara’.

Dasar Wanita Negara (DWN)

Dasar Wanita Negara (DWN) adalah kesinambungan kepada Dasar Wanita Negara yang telah diluluskan oleh kerajaan buat pertama kalinya dalam tahun 1989 untuk dijadikan sebagai satu panduan asas rujukan bagi wanita dalam pembangunan negara. Dasar ini digubal dengan mengambilkira isu, peluang, cabaran dan persekitaran masa kini dan yang akan datang. Secara dasarnya, DWN ini digubal berteraskan Perlembagaan Persekutuan, prinsip Rukun Negara dan Dasar Sosial Negara, bertujuan mendukung cita-cita untuk mencapai kesaksamaan gender dan pembangunan negara yang seimbang dan mampan.

Penggubalan asal DWN 1989 adalah hasil pandangan ahli-ahli Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID) Penggal Ketiga dan Keempat bersama dengan wanita-wanita lain dari pertubuhan-pertubuhan wanita, khususnya saranan daripada Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia Seterusnya pada tahun 2000, DWN telah ditambahbaik dengan mendukung prinsip tiada diskriminasi berdasarkan gender seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing (Beijing Platform for Action), Matlamat Pembangunan Milenium (MDGs) serta Deklarasi Putrajaya dan Program Tindakan Mengenai Pembangunan Wanita Dalam Negara Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM Putrajaya Declaration).


Umumnya, tidak dapat dinafikan bahawa banyak yang telah dipelopori oleh sebahagian besar masyarakat daripada kalangan wanita sendiri dalam memperjuangkan berbagai isu dan masalah daripada persoalan kesamarataan hingga merangkumi hal-hal perundungan dalam pelbagai sektor sosial, politik, pendidikan, kesihatan, kebajikan, ekonomi, agama dan kebudayaan. Manakala prestasi yang telah dicatatkan dan disumbang bersama oleh semua pihak, mengikut kadar dan kemampuan masing-masing terutamanya wanita-wanita daripada kalangan pertubuhan sukarela, politik, badan kerajaan dan bukan kerajaan (NGO).

Selaras dengan semangat negara merdeka yang sedang pesat membangun, DWN ini mendukung cita-cita negara dan pembangunannya bagi menjamin kedaulatan, kemakmuran, keadilan, kebebasan serta hak-hak asasi manusia untuk semua rakyat. DWN bertujuan memberi panduan dan hala tuju dalam segala usaha perancangan dan perlaksanaan program-program pembangunan negara agar kepentingan dan penyertaan wanita tidak terabai, baik sebagai sasaran mahupun sebagai agen-agen pembangunan masyarakat moden. DWN berhasrat untuk menjamin pembangunan dan pengupayaan wanita dengan mengarus perdanakan kepentingan wanita untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya dalam perancangan dan pembangunan negara untuk mencapai kesamaan gender.

Kajian Kes: Penglibatan Wanita Dalam Sektor Perbankan Islam Sebagai Penentu Dasar


Kertas ini memuatkan kajian analisis deskriptif berkaitan penyertaan wanita sebagai penentu dasar dalam sektor perbankan Islam di Malaysia. Kajian ini adalah berdasarkan penelitian laporan tahunan 16 buah institusi -institusi bank Islam di Malaysia dari tahun 2012 sehingga 2018 mengenai lantikan wanita dalam organisasi lembaga pengarah bank dan badan penasihat Syariah bank. Kajian ini mengambil kira pengenalan Kerangka Tadbir Urus Syariah Bank Negara yang dikenali sebagai *Shariah Governance Framework (SGF2010)*, berkuat kuasa pada bulan Januari, 2011. Kerangka Tadbir Urus Syariah ini penting kepada industri perbankan Islam kerana ia merupakan kerangka tadbir urus Syariah pertama yang diperkenalkan dalam sektor kewangan Islam dunia. Tadbir urus perbankan Islam di Malaysia merangkumi dua peringkat penyeliaan Syariah, iaitu badan penasihat Syariah di peringkat pusat iaitu Bank Negara Malaysia dan Jawatankuasa Pengawasan Syariah di perbankan Islam masing-masing. Keputusan lazimnya dibuat oleh Lembaga Pengarah Bank dengan mengambilkira nasihat daripada Jawatankuasa Penasihat Syariah. Justeru, peranan yang dimainkan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah Bank dan Lembaga Pengarah Bank dalam penetapan sesuatu keputusan sesebuah perbankan Islam adalah penting dan signifikan. Dengan mengambil kira masa untuk kesemua institusi perbankan Islam memenuhi keperluan SGF 2010, laporan tahunan yang bermula pada tahun 2012 adalah signifikan untuk meneliti kesan daripada SGF 2010.

Berikut adalah lantikan ahli Lembaga pengarah wanita di institusi-institusi perbankan Islam di Malaysia sepanjang lapan tahun daripada tahun 2012.



Sumber: Laporan Tahunan 16 buah Institusi-institusi Perbankan Islam dari tahun 2012 hingga 2018

Jadual 1 menunjukkan bilangan ahli lembaga pengarah wanita di 16 buah institusi perbankan Islam di Malaysia dari tahun 2012 hingga tahun 2018. Berdasarkan Jadual 1 di atas, terdapat tiga buah institusi perbankan Islam yang tidak pernah ada lantikan daripada wanita di dalam ahli lembaga pengarah institusi mereka sehingga kini 2020. Institusi-institusi perbankan Islam tersebut ialah: Bank Al Rajhi & Investment Corporation, Kuwait Finance House dan OCBC al Amin Bank Berhad. Manakala CIMB Islamic Bank adalah institusi perbankan Islam yang aktif melantik wanita di dalam badan ahli lembaga pengarah dengan lantikan seramai dua orang sepanjang tahun 2014 hingga 2018, melainkan pada tahun 2017, hanya seorang ahli lembaga pengarah wanita sahaja yang menganggotai ahli lembaga pengarah. Melihat kepada data pada tahun 2018, terdapat 4 buah institusi perbankan Islam yang telah melantik seramai 2 orang ahli lembaga pengarah wanita iaitu; Ambank Islamic, CIMB Islamic Bank, HSBC Amanah Bank dan Malaysia Building Society Berhad (MBSB). Daripada Jadual 1 di atas, didapati penyertaan wanita di dalam membuat keputusan adalah kurang dengan kurangnya penyertaan mereka di dalam lembaga pengarah institusi perbankan Islam. BIMB di lihat sangat konsisten dengan penglibatan seorang wakil wanita sejak dari tahun 2012 hingga 2018. Daripada Jadual 1 di atas, dapatlah disimpulkan lantikan ahli lembaga pengarah wanita di sektor perbankan Islam adalah sangat terhad.



Sumber: Laporan Tahunan 16 buah Institusi-institusi Perbankan Islam dari tahun 2012 hingga 2018

Beralih kepada lantikan ahli lembaga penasihat Syariah wanita di 16 buah institusi perbankan Islam. Jadual 2 di atas menunjukkan lantikan ahli lembaga penasihat Syariah wanita. Situasinya hampir sama dengan penglibatan wanita sebagai ahli lembaga pengarah. Lantikan wanita teramai sebagai ahli lembaga penasihat Shariah ialah Standard Chartered Saadiq Bank dengan lantikan seramai 3 orang pada tahun 2018. Manakala terdapat 6 buah institusi perbankan Islam yang tidak membuat lantikan ahli lembaga Shariah wanita sejak dari tahun 2012 hingga 2018. Institusi-institusi tersebut ialah Al Rajhi Bank and Corporation, Alliance Bank, HSBC Amanah, Kuwait Finance House, MBSB, dan OCBC al Amin Bank Berhad. Public Islamic Bank pula baru melantik seorang ahli lembaga penasihat wanita pada tahun 2018. Merujuk kepada MBSB, data sebelum tahun 2018 adalah merujuk kepada data Asian Finance bank atau dikenali sebelum ini sebagai ASF Bank. Ini kerana pada 3 April 2018, ASF Bank telah dijenamakan semula sebagai MBSB Bank setelah MBSB telah berjaya mengambil alih ASF Bank secara permerolehan. Berdasarkan Jadual 2, hampir separuh institusi perbankan Islam di Malaysia hanya mempunyai seorang ahli lembaga penasihat Syariah. Dapatlah disimpulkan, hasil daripada pemerhatian ini, institusi perbankan Islam masih melibatkan wanita sebagai penasihat yang menasihati bank dalam perkara-perkara patuh Syariah di tahap yang sangat minima sahaja. Kesannya keupayaan untuk menentukan sesuatu dasar dilihat sangat terhad.

Peranan Wanita sebagai Penentu Dasar dalam Islam

Jika diselusuri sumber al-Quran tidak ada menentukan secara langsung hukum penglibatan wanita dalam bidang pembuat keputusan dalam isu-isu kewangan, tetapi kebanyakan nas-nas al-Quran menyeru kepada mengamalkan kebaikan, membangun dan memajukan negara, bantu membantu sesama insan dan ianya ditujukan kepada semua tanpa mengira gender. Justeru itu, perlu diimbah amalan yang dilaksanakan oleh Baginda s.a.w serta para sahabatnya agar jelas hukum bagi menentukan kedudukan wanita yang menceburkan diri dalam urusan pentadbiran syarikat atau institusi serta berkhidmat untuk pembangunan negaranya.

Dalam lipatan sejarah sepanjang hayat Rasulullah s.a.w, para isteri Baginda sendiri secara langsung telah menceburkan diri sebagai tokoh negarawan yang berperanan sebagai pemimpin masyarakat serta isteri kepada seorang ketua negara. Ketika berlangsungnya peperangan Hudaibiyyah,

Baginda s.a.w telah menerima pandangan Ummu Salamah r.a yang mengutarakan agar kaum wanita turut serta membantu kaum lelaki di dalam perperangan tersebut. Penerimaan cadangan Ummu Salamah r.a oleh Baginda s.a.w menunjukkan bahawa wanita dibenarkan menyumbang idea untuk penentuan suatu dasar.

Ketika perperangan Uhud dan Hunayn, wanita telah memainkan peranan politik mereka apabila turut menyumbang tenaga dalam melicinkan urusan dakwah dan menyelamatkan kedudukan masyarakat Islam dari terus ditindas dan dihina kaum musyrikin ketika itu. Jelas kedua-dua peristiwa itu menunjukkan penerimaan Baginda akan kewibawaan wanita serta kecekapan mereka dalam membantu urusan pentadbiran negara di samping tugasan hakiki mereka sebagai isteri dan ibu. Walaupun isu ketika itu hanyalah berkaitan dakwah dan perperangan namun ianya terkandung dalam istilah pentadbiran negara kerana senario pentadbiran negara ketika itu lebih tertumpu kepada usaha dakwah dalam memartabatkan syiar Islam, pengukuhan iman dan akidah serta pelaksanaan syariat Allah s.w.t.

Dalam konteks perbankan Islam, banyak isu-isu yang melibatkan penentu polisi yang memberikan impak besar kepada peranan perbankan Islam dalam isu-isu yang melibatkan pemeliharaan alam sekitar, kebajikan pekerja serta kecekapan tadbir urus. Pandangan wanita perlu diambil kira supaya bank-bank Islam dapat membuat keputusan terbaik dan bijak dengan mengambil kira kebajikan semua pihak yang terlibat.

Sayyidina 'Umar al-Khattāb r.a ketika zaman pemerintahannya, telah mengiktiraf kewibawaan wanita dalam membuat suatu keputusan apabila menerima dan melaksanakan cadangan seorang wanita mengenai penetapan kadar *mahar* (mas kahwin) serta penetapan tempoh *iddah* ketahanan sabar bagi wanita yang ditinggalkan suami (al Qardhāwī, 2002). Hanya wanita yang boleh menganalisis sebaiknya mengenai isu yang berkaitan dengan golongan mereka. Ini membuktikan bahawa wanita perlu diketengahkan dan mereka akan memainkan peranan sebagai wakil yang berkhidmat untuk masyarakat atau penentu dasar sosial di semua sektor antaranya sektor perbankan Islam.

Sekali lagi lembaran sejarah zaman kerajaan 'Ābbasiyyah telah mengiktiraf keputusan dasar sosial yang di ketengahkan oleh isteri khalifah Harun al-Rasyīd (786M-809M) iaitu Zubaydah Ja'far apabila beliau mengarah sekumpulan masyarakat tempatan membina tali air dari Mesopotamia ke Mekah yang dikenali hingga hari ini 'Ain Zubaydah bagi kemudahan para musafir yang akan mengerjakan ibadat haji (al Jabbarī, n.d) Sumbangan ini dilihat sebagai satu peranan besar yang dimainkan oleh wanita dalam menyumbang usaha dan menggubal dasar sosial demi pembangunan negara.

Persoalan yang timbul di sini adalah, sebebas manakah wanita boleh diterima sebagai penentu suatu dasar bagi mencorakkan hala tuju pembangunan sesebuah negara dan adakah ianya bertentangan dengan fitrah mereka yang turut berperanan sebagai isteri dan ibu yang seharusnya mendahulukan kebajikan institusi kekeluargaannya. Syariat adalah suatu yang pasti kekal namun fleksibilitinya tertakluk kepada keadaan dan zaman selagimana ianya tidak bercanggah dengan asas utama syariat Islam. Hari ini kita melihat pelbagai isu yang timbul antaranya ialah penglibatan wanita sehingga ada yang berwibawa untuk dilantik menjawat jawatan tertinggi dalam sebuah negara. Namun isu yang di ketengahkan dalam penulisan ini hanya berkisar kepada kapasiti kuasa wanita sebagai penentu suatu dasar.

Para sarjana telah membincangkan isu ini dalam dua situasi berbeza di mana situasi pertama berkisar mengenai status wanita di dalam *wilāyah* 'āmmah atau *wuzarah tafwidh* dan keduanya *wilāyah khāssah* atau *wizarah tanfīz*. Menurut Imam al-Mawardī *wilāyah* 'āmmah adalah satu bidangkuasa politik tertinggi yang diberikan kepada ketua negara atau mereka yang terlibat dengan jawatan pemerintahan seperti menteri, ketua turus tentera, hakim dan seumpamanya. Ini bermaksud, badan legislatif, eksekutif dan judisiari termasuk dalam *wilāyah* 'āmmah.

Kebanyakan sarjana terdahulu, mereka sependapat mlarang lantikan wanita ke dalam *wilāyah* 'āmmah kerana tugas yang berat dan menyalahi fitrah wanita itu sendiri. Peranan utama wanita adalah

untuk mendidik zuriat yang bakal menjadi generasi pemangkin negara, menguruskan hal rumahtangga serta membantu suami dalam hal berkaitan dengan institusi kekeluargaan. Manakala *wilayah khāssah* pula dibenarkan kerana ianya hanya melibatkan bidangkuasa yang sesuai dengan fitrah kaum wanita

Walaupun terdapat pelbagai kontradiksi definisi dan tanggapan ahli fiqh mengenai kedua-dua istilah ini, namun penulis merumuskan bahawa *wilayah 'ammah* bermaksud, jawatan tertinggi negara seperti ketua negara, ketua turus tentera dan pembuat keputusan di peringkat tertinggi (Yang Di Pertuan Agong). Manakala *wilayah khāssah* pula bidangkuasa yang khusus untuk wanita dan sesuai dengan fitrah wanita merangkumi jawatan-jawatan seperti penggubal dasar yang terdiri daripada Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara, menteri dan seumpamanya. Manakala di organisasi perbankan, lantikan sebagai ahli lembaga pengarah dan ahli lembaga penasihat Syariah.

Zaman yang berubah menyaksikan satu anjakan paradigma di mana wanita kini tidak lagi seperti wanita dahulu kala. Kesamarataan wanita dalam mendapat peluang pendidikan telah merapatkan jurang antara keterbatasan wanita dengan lelaki. Faktor ini menyebabkan kedudukan wanita sama tinggi kedudukan dengan lelaki malah ada wanita yang lebih tinggi pangkat kerjayanya daripada lelaki. Malaysia telah menyaksikan keterlibatan wanita sebagai seorang menteri apabila beberapa menteri di kalangan wanita dilantik menyertai anggota kabinet.

Amatlah rugi jika kepakaran wanita tidak digunakan dan diambilkira dalam menentukan dasar-dasar di perbankan Islam. Hal ini ditegaskan dengan firman Allah s.w.t yang bermaksud:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِي إِلَيْهِمْ فَاسْأَلُوهُ أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: “*Maka hendaklah kamu bertanya (kiranya jahil akan suatu perkara) kepada ahli al-zikri (pakar suatu bidang) sekiranya kamu tidak mengetahuinya*” *al-Nahl:43*

Ayat di atas membuktikan pengiktirafan syarak terhadap pakar suatu bidang tanpa mengira gender dalam memberi maklumat kepakarannya kepada sesiapa yang memerlukan. Justeru ia menunjukkan bahawa kiranya kepakaran suatu bidang dimiliki oleh wanita, adalah tidak menjadi suatu larangan kiranya dalam penentuan dasar, ianya ditentukan oleh golongan mereka terutamanya yang berkaitan dengan isu-isu yang melibatkan wanita. Perkara ini menjadi suatu tuntutan apabila Allah s.w.t mengarahkan umatnya saling bantu-membantu dalam perkara kebaikan apatah lagi jika melibatkan hal pembangunan negara.

Dalam isu yang diketengahkan, penulis berpendapat, lantikan wanita sebagai penentu dasar-dasar negara tidak menyalahi kehendak syarak. Ini bertepatan dengan fitrah kehidupan manusia yang dituntut untuk saling lengkap melengkapi, tolong-menolong serta berbuat keajikan.

Firman Allah s.w.t:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْإِيمَانِ وَلَا تَنَقِّبُوا عَلَى الْإِيمَانِ وَلَا يَعْدُوا أَنْ

Maksudnya: “*Dan bantu-membantulah sesama kamu dalam perkara yang membawa kearah kebaikan bersama, dan jangan sekali-kali kamu bantu membantu dalam perkara yang membawa kepada dosa dan persengketaan*”. *al-Maidah:2*

Nas di atas menunjukkan bahawa, amalan bantu-membantu dalam semua perkara yang membawa individu, masyarakat dan negara ke arah kebaikan adalah wajib manakala amalan bantu-membantu dalam perkara yang menyumbang kepada dosa dan membangkitkan persengketaan di kalangan individu, masyarakat atau negara adalah haram dan ditegah sama sekali.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan disampaikan oleh Nu'mān bin Bashīr r.a., Rasulullah s.a.w bersabda dengan maksud:

“Contoh orang yang mendirikan deen (agama)Allah dan orang yang meninggalkannya adalah umpama sekumpulan orang yang menaiki sebuah kapal, sebahagian memenuhi dek atas dan sebahagian lagi memenuhi dek bawah. Apabila orang-orang dari dek bawah memerlukan air, mereka perlu menaiki dek atas untuk mendapatkannya. Maka, sebahagian daripada mereka berkata, ‘kenapa tidak kita tebuk sebuah lubang di dek kita supaya kita tidak perlu menyusahkan orang-orang yang di dek atas?’ Jika perbuatan mereka itu tidak ditegah, mereka semua akan tenggelam dan karam, tetapi jika sebaliknya, mereka akan terselamat.”

(riwayat Imam Bukhari; no hadith 1195)

Di dalam hadith ini, Rasulullah s.a.w menerangkan bagaimana manusia perlu bekerjasama untuk membiarkan kapal tersebut untuk terus terapung, sama seperti keadaan sesebuah masyarakat. Jika manusia hanya mencari kepuasan untuk memenuhi keperluan dan keinginan sendiri tanpa memikirkan orang lain, maka akhirnya mereka akan musnah. Oleh itu, Islam menyarankan supaya masyarakat samada lelaki ataupun wanita perlu berganding bahu bersama memikirkan tentang komuniti dan masyarakat, di samping memenuhi keperluan individu.

Berasaskan konsep inilah, penggubalan DWN amat bertepatan dan bersesuaian dengan keadaan semasa. Selain ianya sebagai satu landasan untuk penyelarasan program-program pembangunan negara, ianya dilihat sebagai garis panduan penglibatan wanita dalam segenap bidang, terutamanya bidang-bidang penting seperti kewangan Islam. Kepakaran Malaysia di bidang kewangan Islam telah diiktiraf di peringkat antarabangsa. Amatlah elok jika bidang ini terus dipacu dengan jayanya hasil penglibatan sama kaum Hawa.

Mengambil kaedah fiqhīyyah العادة محكمة dan bersandarkan kepada *fiqh al-wāqi’*, realiti hari ini kebanyakannya wanita menyumbang kebaikan yang banyak untuk negara malah adakalanya lebih daripada lelaki, bahkan mereka juga ada yang lebih berkelayakan dari pelbagai sudut berbanding lelaki. Kehadiran wanita sebagai penentu dasar di dalam lembaga pengarah dan ahli lembaga penasihat Syariah institusi perbankan Islam amatlah penting untuk memelihara kepentingan pemegang-pemegang taruh. Ini kerana dengan adanya wanita, perspektif membuat keputusan adalah lebih menyeluruh. Ini kerana berdasarkan beberapa pengkaji barat antaranya: Bear et al., (2010). Barako dan Brown, (2008) yang menegaskan hubungkait di antara kelestarian alam sekitar dan penyertaan wanita adalah sangat kuat. Ini disebabkan beberapa faktor, antaranya; pendidikan tinggi yang diperolehi oleh wanita sama ada pendidikan di peringkat universiti atau kelayakan profesional yang miliki menjadikan wanita lebih sensitif kepada kepentingan memelihara alam sekitar dan kepentingan bergerak ke arah melaksanakan agenda kelestarian dalam segenap aspek berbanding dengan kaum lelaki. Keprihatinan wanita memberikan nilai tambah kepada organisasi, justeru itu, peranan wanita tidak dapat dinafikan lagi. Menurut Campbell & Minfguez-Vera (2008), keanggotaan wanita sebagai ahli lembaga pengarah tidak dapat dinafikan dalam meningkatkan nilai sesebuah organisasi. Ini disebabkan wanita akan memperjuangkan pandangan para pemegang saham minoriti dan pemegang-pemegang taruh yang lain. Kehadiran wanita di lembaga menaikkan nilai institusi tersebut kerana wanita akan membawa pandangan para pemegang saham minoriti dan pemegang kepentingan lain. Menurut pengkaji Brindelli (2018), wanita dipercayai mempunyai lebih empati terhadap isu-isu yang melibatkan pemegang-pemegang taruh dan ini membawa kepadatadbir urus yang lebih mampan.

Kita perlu memahami hadith dan sunnah *fi’liyah* Rasulullah s.a.w berdasarkan suasana zaman dan kemampuan wanita ketika ini. Justeru al-Qardhāwī (2002), menyatakan pendiriannya mengenai hukum kepimpinan (urusan pentadbiran negara atau sesebuah organisasi) wanita adalah isu furū’ yang boleh berubah menurut peredaran zaman, apa yang penting adalah syarat kemampuan dari pelbagai sudut menjadikan jantina sebagai punca perbezaan utama dan kelayakan.

Rumusan dan Cadangan

Tidak dapat dinafikan, kepesatan dan pembangunan negara yang dinikmati kini adalah hasil sumbangan kerjasama mantap seluruh warganya yang terdiri daripada kaum Adam dan kaum Hawa. Kaum Hawa atau wanita pada masa yang sama adalah merangkap isteri dan ibu. Penggubalan DWN mencerminkan kesungguhan Negara untuk meningkatkan lagi penyertaan wanita di dalam pembangunan secara lebih berkesan, sistematik dan bermakna dalam usaha membina negara. Dalam isu yang dikenalpasti, lantikan wanita sebagai penentu suatu dasar tidak menyalahi kehendak syarak, malah ianya menepati konsep *al Siyāsaḥ al Syar‘iyyah*. Ini bertepatan dengan fitrah kehidupan manusia yang dituntut untuk saling lengkap melengkapinya, tolong-menolong serta berbuat kebaikan. Di Malaysia mahupun di negara lain, ramai wanita yang telah dilantik menjawat jawatan penting dalam sektor kerajaan maupun sektor swasta. Di dalam sektor perbankan Islam para penulis mencadangkan peningkatan penglibatan wanita dalam sektor ini. Ini kerana penglibatan wanita secara umum dalam penentuan dasar adalah selari dengan semangat al Siyāsaḥ al Syar‘iyyah untuk tadbir urus yang baik, penglibatan menyeluruh dan kelestarian pembangunan.

PENGHARGAAN:

Artikel ini adalah hasil daripada dana penyelidikan USIM PPP/FSU/0117/051000/11517

RUJUKAN:

- Abd al-Fattah ‘Amr. (1998). *al-Siyāsaḥ al-Syar‘iyyah Fī al-Ahwāl al-Syar‘iyyah*. Jordan: Dār al-Nafaīs.
- Al-‘Allamah Al-Humam, et al. (1990). *al-Fatāwā al-Hindiyah Fī Mazhab Imām Abī Hanīfah*, Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Al-Bukhārī, Muhammad b. Ismā‘īl Abū ‘Abdullah. (1981). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bi Syarh al-Karamani* Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Al-Bustānī, Fuād Ifrām. (1973). *Munjid al-Tullāb* (15th ed.). Beirut: Dār al-Mashriq.
- Al-Duraynī, Muhammad Fatḥī. (1982). *Khaṣāṣ al-Tasyri‘ al-Islāmī Fī al-siyāsaḥ wa al-Hukm*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Jabbari, Abd al-Muta’al. (n.d.). *al-Mar‘ah Fī al-Tasawwur al-Islāmī* (2nd ed.). Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Mawardī, Abū al-Hasan Alī Ibn Muḥammad Ibn Ḥabīb al-Mawardī. (n.d.). *al-Āḥkām al-Sultāniyyah*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Qaradhāwī, Yūsuf. (2002). *Min Fiqh al-Dawlah fil Islām* (trans.). Arsil Ibrahim, Kuala Lumpur: ABIM.
- Al-Razī, al-Sheikh al-Imām Muḥammad Ibn Abī Bakr Ibn ‘Abd al-Qāder. (1981). *Mukhtar al-Sihah*. Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī.

- Al-Sharafī, Muḥammad al Ḥasan al Ḥusain. (1987). *Wilāyah al-Mar'ah fī al-Islām, Bahth Muqaranah*, Kaherah: Universiti Cairo.
- Al-Zubaydī, Sayed Muḥammad Murtadha. (1989). Ibrahim al-Turazi (ed.) *Taj al 'Arus Min Jawhar al-Qāmus*. Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī.
- Barako, D., & Brown, A. (2008). Corporate social reporting and board representation: evidence from the Kenyan banking sector. *Journal of Management and Governance*, 12(4), 309-324.
- Bear, S., Rahman, N., & Post, C. (2010). The impact of board diversity and gender composition on corporate social responsibility and firm reputation. *Journal of Business Ethics*, 97(2), 207–221.
- Birindelli, G., Dell'Attì, S., Iannuzzi, A., & Savioli, M. (2018). Composition and Activity of the Board of Directors: Impact on ESG Performance in the Banking System. *Sustainability*, 10(12), 4699.
- Campbell, K., & Mínguez-Vera, A. (2008). Gender diversity in the boardroom and firm financial performance. *Journal of business ethics*, 83(3), 435-451.
- Ghalib 'Abd al-Kafī (1990). *Awwaliyāt al Fāruq al-Siyasiyyah*. Mansurah: Dār al Wafa'.
- Ibn 'Ābidīn, Zain al-Din ibn Nujaym al Ḥanafī. (1997). *al-Bahru al-Rā'iq Syarhu Kanz al-Daqāiq*. Beirut: Dār al Kutub al 'Ilmiyyah.
- Ibn 'Ābidīn, Muḥammad Amin 'Umar Abdel Aziz. (1998). *Raddul Muhtār 'Ālā al-Durr al-Mukhtaār*, Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī.
- Ibn al-'Ārabi, Abu Bakr. (1950), Muhibbudīn al-Khāṭīb (ed), *al-'Awasim Min al-Qawāsim Fī Tahqīq Mawāqif al Ṣahābah Ba'da Wafāt al-Nabī s.a.w*. Kaherah: al-Matba'ah al-Salafiyyah.
- Ibn al-Humam, Kamal al-Din Muhd Abd al-Wāhid Abd al-Hamid. (1995), *Sharḥhu Fath al-Qādir*. Beirut : Dār al Kutub al 'Ilmiyyah.
- Ibn Farhūn, Ibrahim 'Ali Muḥammad al-Madanī. (1995). *Tabṣurat al-Hukkām Fī Uṣūl al-'Aqdhiyyah wa Manāḥijl alAhkām*. 2. Beirut: Dār al Kutub al 'Ilmiyyah.
- Ibn Khaldūn, 'Abdul Rahman (1978). *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. (4th ed.). Beirut: Dār al Kutub al 'Ilmiyyah.
- Ibn Taymiyah, Muḥammad Taqiyuddin Ahmad al Harrani. (1961). Muḥammad Abdullah al Samman (ed). *Al Siyāsah al Syar'iyyah Fī Islah al Ra'i wa al Ra'iyyah*. Mesir: Matba'ah al Jihād.
- Ibrahim Anis et al., (1972). *al-Mu'jam al-Wasīṭ*. (2nd ed.) Istanbul: Maktabah al Islāmiyah.
- Mohammad Monawer, A. T., Grine, F., Abdullah, M. F., & Mohd Nor, M. R. (2019). Do fatwas hamper Muslim women's socio-economic participation in Malaysia? *Journal of Nusantara Studies*, 4(1), 232-245. <http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol4iss1pp232-245>.
- Khallaф, Abd. al-Wahhab. (1987). *Al Siyāsah al Syar'iyyah*. (3rd ed.). Beirut: Muassasah al Risālah.
- Muhammad Farid Wajdī. (1971). *Dāirah Ma 'arif alQarn al 'Ishrūn*. (3rd ed.). Beirut: Dār al-Ma'rifah Nafāis.